



DATO SERI DR. MAHATHIR

Anggota2 Dewan tak diberi kuasa eksekutif

KUALA LUMPUR. — Kerajaan buat masa ini tidak bercadang memberi kuasa eksekutif kepada Ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat, demikian ditegaskan oleh Timbalan Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad, hari ini.

Menjawab soalan Senator T.S. Gabriel di Dewan Negara petang ini, beliau menyatakan, bagaimanapun ada Ahli-ahli Dewan Negara dilantik menjadi anggota kabinet dan dengan itu mereka berhak memberi arahan dan mempunyai kuasa.

Dalam sistem demokrasi yang diamalkan di Malaysia sekarang, tambah Dato Seri Dr. Mahathir, membahagikan kuasa supaya tidak ada satu kumpulan yang mempunyai banyak kuasa yang boleh menjalankan kuasa itu dengan sasuka hatinya.

Kepada soalan tambahan Senator Datuk Haji Ahmad Arshad, Timbalan Perdana Menteri menjelaskan, asas pemberian tempat di dalam Majlis Tindakan Daerah kepada Ahli-ahli Dewan Rakyat kerana mereka dipilih oleh rakyat.

Sementara itu ketika menjawab pertanyaan Senator Ibrahim Abdulloh, Datuk Seri Dr. Mahathir menjelaskan, sejumlah 286 projek pelaburan asing dengan modal ekuiti sebanyak \$222 juta telah diluluskan didalam sektor perkilangan.

Pertanian kita akan terus dipentingkan

KUALA LUMPUR, Khamis — Laporan Jawatankuasa Kabinet bagi merangka dasar pertanian negara dijangka siap dalam tempoh enam bulan lagi, demikian menurut Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad, yang juga pengerusi jawatankuasa itu.

Kata beliau pembentukan jawatankuasa itu adalah untuk memastikan masa depan perkembangan pertanian negara dan penggunaannya.

"Kajian-kajian yang dibuat untuk menentukan apakah kita perlu mengembangkan pertanian dengan tidak payah lagi bergantung kepada punca makanan daripada negeri lain dengan kadar harga yang tinggi atau mengimport bahan-bahan makanan yang kurang perbelanjaan untuk kesenangan para pengguna," katanya.

Beliau menjawab demikian menjawab soalan tambahan Senator Datuk Haji Ahmad Arshad, di Dewan Negara petang ini.

Datuk Seri Dr. Mahathir menegaskan, Kerajaan tidak pernah berpuashati dengan sebarang kejayaannya, "sebab itulah kita sentiasa berusaha untuk menambah dan meningkatkan keluaran hasil pertanian negara," ujarnya.

Ekonomi

Sebelum itu Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian berkata, Kerajaan tidak berniat untuk menukar sektor pertanian kepada sektor industri kerana keduanya penting dari segi pembangunan ekonomi negara pada keseluruhannya.

Menurutnya, sektor pertanian adalah penting dari segi mengganti import khususnya makanan, mendapatkan hasil yang tukaran asing dan mengadakan pekerjaan.

Manakala sektor perindustrian pula, tambahnya, dari segi peibagian ekonomi, hasil dari eksport dan juga dari segi mengadakan pekerjaan.

Walaupun sumbangan sektor pertanian kepada KNKD (Keluaran dalam

negeri kasar) akan beransur-ansur kurang, menggambarkan kemajuan yang pesat didalam oleh sektor-sektor lain, sektor ini akan terus kekal sebagai sektor yang penting apabila daya pengeluaran bertambah dengan adanya proses pemodenan dan peibagian.

Saham2

Seperti yang dinyatakan di dalam dokumen Rancangan Malaysia Ketiga katanya, sumbangan sektor pertanian, perhutanan, perikanan dan lain-lain lagi dijangka berkurangan dari pada 32.1 peratus bernilai \$3.432 juta dalam tahun 1970 kepada 19.7 peratus dalam tahun 1990, tetapi nilainya meningkat kepada \$9.858 juta.

Kepada soalan tambahan Datuk Raja Nong Chik, Timbalan Perdana Menteri menegaskan, Kerajaan sedang menjalankan kajian tentang penjualan saham-saham di dalam syarikat-syarikat Kerajaan untuk Bumiputera.

Katanya, "Kita sedang mengkaji apakah kita harus memberi saham-saham itu kepada satu golongan sahaja atau dibahagi kepada golongan lain.

Pada umumnya, Kerajaan berhasrat menjual saham syarikat-syarikat kepada Bumiputera, katanya.

Sementara itu Timbalan Menteri Perusahaan Encik Paul Leong memberitahu, MARDEC sentiasa berusaha mengurangkan kes operasinya supaya ia dapat memberi harga yang lebih kepada getah yang dibeli dari pekebun-pekebun kecil.

Katanya, ini adalah sebahagian usaha

MARDEC menyelaraskan harga getah supaya kesetabilan hasilnya menguntungkan pekebun kecil.

Menjawab soalan mulut Senator Ismail Hashim Encik Paul Leong berkata: "Melalui persidangan yang diberikan kepada peniaga-peniaga getah swasta dan melalui penambahan kualiti getah yang diperoleaskan, MARDEC sentiasa berusaha supaya harga yang diberi kepada pekebun-pekebun kecil berpatutan."

"Bagi menetapkan harga yang dibayar kepada pekebun-pekebun kecil, MARDEC terpaksa menolak kos pengeluaran getah yang bermutu tinggi itu," katanya.

Menurutnya, dalam aspek mengembang dan menambah pengeluaran getah yang bermutu dalam bentuk (TSR) MARDEC menumpukan perkhidmatannya kepada sektor pekebun kecil yang mengeluarkan 58 peratus dari jumlah pengeluaran getah negara, di samping peranan dan tanggungjawab mengekalkan kedudukan negara sebagai pengeluar getah aali yang terkemuka.

Getah TSR ini, katanya, dikeluarkan kerana ia mengandungi sifat-sifat yang penting seperti mempunyai bahan mentah yang lebih baik yang disesuaikan dengan kehendak-kehendak pengguna.

Jumlah bilangan pekebun kecil yang mendapat perkhidmatan terus dari MARDEC adalah seramai 120,000, katanya.